



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 07/2024**



## KEPUTERAAN KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA

### SULTAN PAHANG

26 JULAI 2024 / 20 MUHARAM 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Tarikh 30 Julai 2024 merupakan hari keputeraan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdulllah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billahi Shah Ibn Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Baginda merupakan Sultan Pahang yang keenam yang menaiki takhta sistem pemerintahan beraja Negeri Pahang melalui



jalur salasilah Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah yang bergelar Sultan Pahang yang pertama.

Sistem pemerintahan beraja dalam Islam telah bermula dari zaman Bani Umayyah apabila terbentuknya khilafah Umayyah sebagai kesinambungan pemerintahan al-Khulafa' ar-Rasyidin. Sistem beraja ini berterusan pada zaman Abbasiyah sehinggalah pada zaman Uthmaniyah. Dalam konteks kesultanan Melayu, Raja telah memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam kepada rakyat jelata seperti penyebaran Islam di bawah Kesultanan Melaka. Begitu juga dengan negeri Pahang dan negeri-negeri lain. Kemuncak pengukuhan Islam di Pahang adalah semasa zaman pemerintahan Sultan Pahang – Melaka ke-12 iaitu Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Shah yang buat julung kalinya menggubal risalah Hukum Kanun Pahang yang bertepatan dengan syariat Islam mengikut fikah mazhab Syafie'.

Raja merupakan pemerintah tertinggi, dibantu para pembesar yang dipertanggungjawabkan oleh Baginda. Manakala rakyat mencurahkan sepenuh taat setia kepada raja demi kemakmuran dan keamanan sesebuah negeri. Taat kepada perintah raja atau pemimpin adalah tanggungjawab setiap rakyat. Malah ia merupakan suatu kewajipan dalam Islam sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah al-Nisa' ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَطِيعُوا أَوْلِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾



**Yang bermaksud:** *”Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri dalam kalangan kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”*

Sebagai umat Islam, kita wajib mematuhi segala perintah Allah dan Rasul serta mencurahkan kesetiaan dan ketaatan kepada raja dan pemerintah yang adil selagi tidak menyuruh melakukan kemaksiatan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَهُ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ  
بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

**Yang bermaksud:** *“Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia sukai dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Dalam perlembagaan negara kita, raja pemerintah berfungsi sebagai ketua agama dalam sesebuah negeri. Baginda bertanggungjawab menjaga kedaulatan agama Islam dan dalam masa yang sama tidak menghalang agama-agama lain untuk diamalkan khususnya dalam konteks masyarakat majmuk seperti di negara kita ini.



Dalam konteks negeri Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah Ibni al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah merupakan seorang raja yang sangat mengambil berat hal-hal berkaitan keagamaan, pendidikan, kebajikan dan hal ehwal rakyat jelata. Dalam aspek pendidikan, Baginda mencetuskan penubuhan Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang telah mencatat kejayaan yang cemerlang baru-baru ini. Baginda juga mengambil berat pembangunan dan perkembangan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Universiti UCYP, sekolah-sekolah agama, Maahad Tahfiz Swasta dan Pondok-Pondok.

Dari sudut kebajikan rakyat Baginda telah menubuhkan Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA) yang antara lain membina rumah-rumah untuk rakyat miskin yang dikenali sebagai Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (RURASA) dan Pusat Hemodialisis untuk pesakit yang kurang berkemampuan.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Dalam aspek kerohanian, Baginda telah menitahkan kepada umat Islam di Pahang supaya melaksanakan solat fardu secara berjemaah. Baginda sentiasa menyertai program solat subuh berjemaah seperti solat Jumaat.

Baginda juga menitahkan supaya umat Islam sentiasa menjaga akidah dengan berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, dan berwaspada dengan pelbagai ajaran sesat dan meragukan. Jabatan Mufti Negeri Pahang telah menyenaraikan nama kumpulan-kumpulan tersebut di dalam laman web rasmi jabatan.



Baginda sering menyeru supaya rakyat bersatu padu dengan mengeneipkan perbezaan fahaman politik. Baginda juga sentiasa menitahkan supaya sistem pendidikan sentiasa diperkasa untuk memastikan kejayaan anak-anak. Di samping itu, Baginda juga menekankan penggunaan tulisan Jawi supaya warisan ini tidak hilang begitu sahaja.

Semasa pemsyhuran Baginda sebagai Sultan Pahang pada tahun 2019, Baginda bertitah dengan memetik kalam Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang berbunyi:

*“Jika aku betul, tolonglah aku. Jika aku salah, betulkan aku. Benar itu amanah. Bohong itu khianat. Taatlah aku selagi aku taatkan Allah dan Rasul-Nya. Jika aku derhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka tiadalah ketaatan untukku.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Kita berdoa semoga negeri dan negara kita sentiasa dilimpahi kemakmuran dan keamanan di bawah payung pemerintahan raja-raja Melayu yang adil. Semoga Baginda Tuanku selaku pembela Islam di Negeri Pahang sentiasa diberikan taufiq, hidayah dan bimbingan Allah Ta’ala dalam menjalankan tugas sebagai pemerintah di negeri ini. Semoga pemerintahan Baginda dipenuhi keadilan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.